



**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **SIARAN MEDIA**

---

### **GERAN DIGITAL PMKS MADANI (GDPM) FEST 2025 PACU TRANSFORMASI PENJAGAAN KESIHATAN MASA HADAPAN NEGARA**

**JOHOR BAHRU, 10 Ogos 2025** – Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching melancarkan Geran Digital PMKS MADANI (GDPM) Fest 2025 peringkat negeri Johor hari ini bertujuan untuk memperkasa penerapan penyelesaian teknologi masa hadapan dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di negara ini.

Penganjuran program ini merupakan usaha Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Komunikasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk memastikan PMKS, khususnya dalam sektor kesihatan, tidak tercalar daripada arus kemajuan teknologi disamping membentuk ekosistem penjagaan kesihatan yang lebih cekap, inklusif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan mendatang.

Antara pengisian program ini termasuk sesi perkongsian mengenai bantuan transformasi penjagaan kesihatan dan demonstrasi penyelesaian teknologi masa hadapan, kepentingan penggunaan teknologi dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat, dan pengalaman realiti maya (VR).

Sokongan rakan-rakan strategik seperti Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), Bank Simpanan Nasional (BSN), Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), penyedia perkhidmatan telekomunikasi serta rakan-rakan rakan penyedia teknologi kesihatan masa hadapan, membuktikan pentingnya penyatuan peranan sektor awam dan swasta dalam memperkukuh ekosistem kesihatan negara.

GDPM Fest 2025 membawa inisiatif ini ke akar umbi melalui pendekatan setempat yang lebih dekat dengan komuniti perubatan dan usahawan kesihatan tempatan. MCMC turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi meningkatkan kesedaran berkaitan *Guideline on Online Healthcare Services* (OHS), satu usaha penting dalam memastikan penggunaan platform kesihatan masa hadapan yang selamat, bertanggungjawab dan beretika.

Sebagai permulaan, GDPM Fest 2025 akan dilaksanakan secara berperingkat, bermula di Johor Bahru hari ini, diikuti di Kuantan, Pahang pada 17 Ogos dan di Kota Kinabalu, Sabah pada 24 Ogos.

Melalui program ini diharap ianya dapat menyokong usaha kerajaan ke arah ekosistem penjagaan kesihatan lebih pintar, cekap dan inklusif demi kesejahteraan komuniti pakar perubatan, PMKS dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

**Dikeluarkan oleh:  
Komunikasi Korporat MCMC**

**LAMPIRAN GAMBAR**



**Sekitar Majlis Perasmian Geran Digital PMKS MADANI (GDPM) Fest 2025 peringkat negeri Johor yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching, di Johor Bahru.**